

Dr M minta Puteri Umno jauhi politik wang

BH 1 1 APR 2001

PETALING JAYA, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Puteri Umno memulakan perjuangan dengan memastikan pergerakan itu bebas daripada gejala dan amalan politik wang.

Perdana Menteri berkata, sebagai pergerakan baru, Puteri Umno mampu mewujudkan budaya baru dalam perjuangannya selaras usaha memastikan kesinambungan perjuangan parti untuk bangsa, agama dan negara.

Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said, berkata dalam pertemuan di pejabatnya di Putrajaya petang tadi, Dr Mahathir mengingatkan Puteri Umno mengenai peranannya mendidik generasi muda berhubung sejarah perjuangan Umno.

Dr Mahathir, katanya, mengingatkan Puteri Umno mengenai peranan dan kebijaksanaan Umno membangunkan rakyat serta negara ini sehingga Malay-

sia dihormati dan dikagumi dunia.

“Presiden Umno juga mahu Puteri Umno mendidik generasi muda untuk membezakan perjuangan Umno dengan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Pas,” kata Azalina sebelum majlis kunjungan hormat kepada Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini malam ini.

Dalam pertemuan kira-kira jam 5.30 petang di pejabat Perdana Menteri itu, Azalina berkata, Presiden Umno itu juga membangkitkan soal sekatan yang dikenakan terhadap golongan profesional menyertai perjuangan Umno.

“Beliau berkata, sekatan ini tidak sepatutnya ada kerana ia akan menyebabkan Umno tiada pewaris. Beliau tidak mahu melihat Umno berakhir dengan pemimpin yang ada.

“Sehubungan itu, beliau mahu Puteri Umno mendapatkan ahli seramai yang

mungkin,” katanya.

Mengulas permintaan Dr Mahathir supaya Puteri Umno menjauhi politik wang, Azalina yakin, pergerakan itu dapat memenuhi hasrat berkenaan.

Beliau berkata, semua exco yang dilantik tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam politik kecuali Sharifah Syahirah Syed Sheikh, yang mengikuti kursus sains politik di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Namun, beliau yakin se-

mua exco, yang sebahagian besarnya ibu muda, mampu melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Sementara itu, Abdullah berkata, penubuhan Puteri Umno akan menggalakkan generasi wanita muda menyertai perjuangan Umno.

Bagaimanapun, katanya, Puteri Umno terlebih dahulu perlu merasai perjuangan Umno, yang bertanggungjawab memajukan rakyat dan negara ini.

“Saya percaya Puteri

Umno mampu memberi sumbangan kepada generasi muda dan berharap pergerakan itu dapat diterima rakyat, khususnya orang Melayu.

Mengulas pelantikan artis, Erra Fazira sebagai exco pergerakan itu, beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, Umno menerima sesiapa saja untuk menyertai Puteri Umno, asalkan mereka memenuhi syarat dan bersama-sama meneruskan perjuangan parti.